

# Pemuda ditugas pastikan UMNO, menang p-raya

KUALA LUMPUR, Khamis — Pemuda UMNO Malaysia diberi tugas khas memastikan kemenangan bagi semua calon UMNO dan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum kelak, kata Ketua Pergerakan itu, Datuk Haji Suhaimi Datuk Kamaruddin hari ini.

Tugas ini di antara lain memerlukan Pergerakan itu menangkis segala dakwah yang ditaburkan oleh parti-parti pembangkang di kalangan rakyat, katanya.

Dalam hubungan ini, tugas pihaknya untuk membetulkan putarbelit parti-parti pembangkang tidak begitu sukar kerana rakyat kini matang, sentiasa mengetahui perkembangan-perkembangan dan kerja memberi penerangan kepada mereka adalah mudah kata beliau.

Kedua ini ialah hasil kejayaan Dasar Pelajaran Negera, kata Datuk Haji Suhaimi yang juga Timbalan Menteri Pelajaran kepada para pemberita selepas memengerusikan masyuarat Exco Pemuda UMNO di sini.

Beliau berkata, parti-parti pembangkang kini kehabisan modal dan demi kepentingan kedudukan mereka untuk pilihanraya umum akan datang, mereka terpaksa mengorek perkara-perkara non-issue untuk dijadikan bahan dan isu bagi memancing undi dan mengelirukan rakyat.

Bahan asal dari Arkib